

04 FEB 2002

Indon-Malaysia/I

DELEGASI PARLIMEN INDON LAWAT M'SIA BERHUBUNG ISU PEKERJA

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 4 Feb (Bernama) -- Satu delegasi lima anggota parlimen berlepas ke Kuala Lumpur hari ini untuk merayu kepada kerajaan Malaysia berhubung tindakan mengurangkan bilangan pekerja Indonesia di negara itu.

Rombongan itu yang diketuai Timbalan Speaker Dewan Perwakilan Rakyat DPR), Muhaimin Iskandar, akan berbincang dengan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dengan harapan Malaysia akan mengendurkan pendirian tegasnya berhubung isu itu.

Muhaimin, yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal parlimen berkaitan kebajikan rakyat, akan diiringi Sabam Sirait, Bachrum Rasir, Happy Bone Zulkarnain dan Posma Lumban Tobing.

Indonesia khuatir tindakan drastik Malaysia menghantar pulang ramai pekerjanya akan membebankan lagi masalah pengangguran di sini.

Sebanyak 40 juta rakyat Indonesia dianggarkan tidak mempunyai pekerjaan.

Malaysia mengambil tindakan itu ekoran beberapa kejadian jenayah membangkitkan pekerja Indonesia, dengan yang terbaru ialah rusuhan di sebuah kilang di Nilai, Negeri Sembilan, dan pergaduhan sesama mereka di Cyberjaya.

Indonesia telah memohon maaf terhadap kejadian rusuhan itu dan telah merayu agar Malaysia memberi keutamaan kepada Indonesia dalam mengambil pekerja asing.

Jumaat lepas, Presiden Megawati Sukarnoputri telah mengutuskan Menteri Kehakiman dan Hak Asasi, Yusril Ihza Mahendra untuk membincangkan masalah itu.

Yusril yang telah menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata bahawa Malaysia hanya mengusir pekerja Indonesia yang tidak mempunyai permit.

-- BERNAMA

OPP MAI